

# CORDIPIN RETARD TABLET

Nifedipine 20mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apa kegunaan Cordipin retard
2. Bagaimana Cordipin retard berfungsi
3. Sebelum mula menggunakan
4. Cara menggunakan Cordipin retard
5. Semasa menggunakan Cordipin retard
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cordipin retard
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apa kegunaan Cordipin retard

Ubat ini bertujuan untuk rawatan semua jenis tekanan darah tinggi dan semua jenis angina pectoris (sakit dada), terutamanya *vasospastic* dan jenis yang stabil dan kronik.

## Bagaimana Cordipin retard berfungsi

Nifedipine merencatkan kemasukan kalsium ke dalam sel otot jantung dan sel otot di dinding arteri. Ia menurunkan penggunaan oksigen secara terus dengan mengurangkan beban kerja jantung. Keperluan oksigen juga menurun secara tidak langsung kerana jantung berasa lega.

Cordipin retard tablet ialah sejenis tablet *prolong-release*. Pengeluaran nifedipine adalah perlahan, jadi nifedipine mencapai kepekatan maksimum dalam 2 hingga 4 jam dan kesannya berterusan selama 10 hingga 12 jam.

## Sebelum menggunakan Cordipin retard

### Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda mempunyai alahan (hipersensitif) kepada

nifedipine atau mana-mana bahan dalam Cordipin retard;

- Jika anda pernah mengalami tindak balas alahan terhadap ubat yang sama (dihydropyridines);
- Jika anda mempunyai injap aorta yang terjejas (*aortic stenosis*);
- Jika anda mempunyai gangguan metabolisme *porphyrin* (sejenis gangguan metabolik yang dinamakan *porphyria*);
- Jika anda sedang mengandung atau menyusukan bayi.

Pesakit yang pengaliran darah tidak cukup ke organ-organ, kekurangan bekalan oksigen dan tekanan darah terlalu rendah (kejutan kardiogenik) tidak boleh mengambil ubat ini.

### Sebelum mula menggunakan

Hubungi doktor anda dengan segera:

- Jika anda merasa sakit atau sesak di dada anda selepas dos pertama Cordipin retard;
- Jika semasa rawatan dengan Cordipin retard, anda tiba-tiba mengalami sakit dada yang lebih kerap, lebih kuat dan lebih lama semasa berehat dan aktiviti fizikal;
- Jika semasa rawatan dengan Cordipin retard anda menyedari bengkak pada buku lali dan sesak nafas semasa aktiviti fizikal;

Ukur tekanan darah dan denyutan secara kerap semasa rawatan dengan Cordipin retard. Tanya doktor anda nilai bacaan tekanan darah dan denyutan yang betul dan kekerapan pemeriksaan kesihatan.

Pada awal rawatan, pemeriksaan yang lebih kerap diperlukan, terutamanya

- Jika anda mempunyai diabetes,
- Jika fungsi hati anda terjejas,
- Jika anda mempunyai tekanan darah yang sangat tinggi atau rendah,
- Jika tekanan arteri paru-paru meningkat,

- Jika anda mempunyai kegagalan jantung yang teruk,
  - Jika anda seorang pesakit *hypertrophic cardiomyopathy* (dinding jantung menebal dan mengurangkan saiz ruang ventrikel kiri),
  - Jika anda seorang pesakit warga tua,
  - Jika anda mempunyai pektoris angina tidak stabil (sejenis sakit dada).
- Jangan berikan Cordipin retard untuk kanak-kanak kerana keberkesanan dan keselamatan kepada kanak-kanak belum diketahui.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau telah baru-baru ini mengambil apa-apa ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi.

Pastikan anda memberitahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat:

- Tekanan darah tinggi,
- Angina pectoris (sakit dada),
- Kegagalan jantung,
- Gangguan rentak jantung (*quinidine*),
- Ulser gastrousus (*cimetidine*),
- Batuk kering (rifampicin), bronkitis kronik atau asma (*theophylline*),
- Kulat (*Itraconazole*), virus (*cyclosporine*, *indinavir*, *ritonavir*, *saquinavir*)
- Epilepsi (*carbamazepine*, *phenytoin*).

Beritahu juga doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan untuk penyekatan sistem imun (*tacrolimus*). Pemberian Nifedipine bersama magnesium sulfat adalah tidak digalakkan kerana ia adalah berbahaya dan boleh mengancam kesihatan anda.

Pemberian Cordipin retard bersama beberapa ubat-ubatan yang digunakan untuk penyakit di

# CORDIPIN RETARD TABLET

## Nifedipine 20mg

atas boleh mengubah kesan ubat-ubatan atau kesan Cordipin retard.

Sila beritahu doktor anda bahawa anda menagmbil Cordipin retard jika doktor anda ingin menjalankan ujian *methacholine bronchial provocation*.

Sebelum pembedahan dijadualkan, pastikan anda memberitahu doktor anda bahawa anda mengambil Cordipin retard.

### **Cara menggunakan Cordipin retard**

#### ***Berapa banyak harus digunakan***

Dos permulaan dan dos penyenggaraan Cordipin retard ialah 1 tablet dua kali sehari. Jika perlu, doktor boleh meningkatkan dos kepada 2 tablet dua kali sehari. Dalam pesakit dengan (vasospastic) angina Prinzmetal, dos harian boleh ditingkatkan kepada 80 mg atau maksimum 120 mg setiap hari.

#### ***Bila perlu digunakan***

Cordipin retard perlu diambil dua kali sehari. Ambil keseluruhan tablet dengan segelas air. Anda tidak perlu memecahkan, menghancurkan atau mengunyahnya.

#### ***Berapa lama perlu digunakan***

Cordipin retard digunakan dalam rawatan jangka panjang. Anda hanya boleh berhenti mengambil ubat ini jika anda dinasihatkan untuk berbuat demikian oleh doktor anda.

Jika anda mempunyai tanggapan bahawa kesan Cordipin retard terlalu kuat atau terlalu lemah, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda

#### ***Jika terlupa menggunakan***

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal. Cuba untuk jadikan tabiat mengambil ubat secara teratur pada masa yang sama

setiap hari. Teruskan mengambil pil anda sebagaimana yang telah ditetapkan.

#### ***Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)***

Pengambilan yang berlebihan boleh menyebabkan *peripheral vasodilation* yang keterlaluan dengan hipotensi yang ketara dan berpanjangan. Hipotensi biasanya ditunjukkan sebagai loya, degupan jantung yang pantas, pening kepala atau pengsan. Jika ini berlaku, anda perlu berbaring, tinggikan kaki dengan bantal dan hubungi doktor. Jika telah makan *prolonged-release tablets* dengan jumlah yang banyak, tanda-tanda kemabukan boleh muncul selepas beberapa jam (3 atau 4 jam). Tanda-tanda kemabukan adalah seperti tekanan darah rendah, kejut, degupan jantung yang perlahan atau degupan jantung yang pantas, kegagalan jantung and konvulsi. Setelah mengambil jumlah tablet yang banyak, sila rujuk doktor dengan segera supaya dia boleh menentukan rawatan yang sesuai (lavaj gaster, penjerapan kepada arang diaktifkan dan rawatan simptomatik).

#### **Semasa menggunakan Cordipin retard**

#### ***Perkara yang perlu dilakukan***

Sentiasa mengambil Cordipin retard seperti yang doktor telah beritahu. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

#### ***Perkara yang tidak boleh dilakukan***

Semasa rawatan dengan Cordipin retard, jangan minum jus limau gedang kerana ia meningkatkan kesan sampingan ubat ke atas tekanan darah dan membawa kepada kesan sampingan yang lebih kerap.

Jangan memberi ubat kepada kanak-kanak.

#### ***Perkara yang perlu diberi perhatian***

Jangan memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana anda bertindak balas terhadap rawatan. Ubat ini boleh menyebabkan pening pada pesakit individu, terutamanya pada permulaan rawatan atau selepas penggunaan alkohol, dan dengan itu mengurangkan keupayaan untuk memandu dan menggunakan mesin secara tidak langsung dan sementara.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Kesan-kesan sampingan adalah sementara dan ringan dan biasanya tidak memerlukan pemberhentian rawatan. Kesan-kesan sampingan yang paling biasa ialah pening, kepala, sakit kepala, keletihan, lemah, merah muka, sensasi haba; bengkak, terutamanya buku lali dan kaki yang biasanya bertindak balas kepada terapi diuretik. Nifedipine boleh mengubah sesetengah nilai makmal dan ujian-ujian tertentu (terutamanya hati). Perubahan ini tidak semestinya berkaitan dengan tanda-tanda klinikal (walaupun kes seperti kuning putih mata atau kulit - cholestasis dan jaundis - telah dilaporkan).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers—>Reporting*).

#### **Cara penyimpanan & Pelupusan Cordipin retard**

#### ***Penyimpanan***

Jauhi dari kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

# CORDIPIN RETARD TABLET

## Nifedipine 20mg

---

Jangan gunakan ubat selepas tamat tempoh iaitu yang ditulis di pek selepas 'EXP'. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir pada bulan itu.

### ***Pelupusan***

Tiada keperluan khas.  
Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### ***Rupa dan warna produk***

Tablet *prolonged-release* berwarna kuning, bulat, tepi serong, bersalut filem dan tablet berbentuk sedikit dwi-cembung.

#### ***Bahan-bahan kandungan***

Setiap tablet *prolonged release* mengandungi 20 mg nifedipine.

Bahan-bahan tidak aktif: microcrystalline cellulose, glyceryl palmitostearate, talc, anhydrous colloidal silica, sodium laurilsulfate, magnesium stearate and povidone in the tablet core, and methacrylic acid copolymer, talc, titanium dioxide (E171), macrogol 4000 and quinoline yellow colour (E104) in the coating.

#### ***Nombor MAL:***

MAL19900657A

#### ***Pengilang***

KRKA, d.d., Novo mesto,  
Šmarješka cesta 6, 8501 Novo mesto, Slovenia

#### ***Pemegang Pendaftaran Produk***

PAHANG PHARMACY SDN.  
BHD., Lot 5979, Jalan Teratai, 5  
½ Miles, Off Jalan Meru, 41050  
Klang, Selangor, Malaysia

#### ***Tarikh kemaskini RiMUP***

30/10/2013